

JIM pindahkan 517 etnik Rohingya

Dipindahkan atas faktor logistik dan sumber bekalan makanan

KUALA PERLIS

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada Selasa selamat memindahkan 517 orang tahanan etnik Rohingya dari kem Wawasan Negara Langkawi, Kedah ke Depot Imigresen Sementara Sungai Bakap, Pulau Pinang dan Depot Imigresen Sementara Bidor Perak.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Indera Khairul Dzaimie Daud berkata, tahanan berusia dalam lingkungan 20 hingga 40 tahun yang ditahan selama setahun dua bulan bermula April tahun lepas dipindahkan atas faktor

Selepas Ogos UNHCR tidak lagi membiayai makan minum mereka dan JIM terpaksa memindahkan tahanan sebagai langkah penjimatan.”

logistik dan sumber bekalan makanan.

“Sebab pemindahan tersebut adalah bagi penjimatan dan memudahkan urusan logistik termasuk makan dan minum tahanan,” katanya kepada pemberita di sini pada Selasa.

Khairul Dzaimie berkata, kos bagi makan dan minum tahanan tersebut sebelum ini ditanggung oleh Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNHRC) sehingga pertengahan Jun.

“Selepas Ogos UNHCR



Seramai 517 tahanan etnik Rohingya dipindahkan dari kem Wawasan Negara Langkawi, Kedah ke Depot Imigresen Sementara Sungai Bakap, Pulau Pinang dan Depot Imigresen Sementara Bidor Perak.

tidak lagi membiayai makan minum mereka dan JIM terpaksa memindahkan tahanan sebagai langkah penjimatan,” katanya.

Katanya, sebelum dipindahkan semua tahanan telah menjalani ujian saringan Covid-19 pada 28 Mei lepas.

Beliau berkata, kesemua

tahanan itu dibawa menaiki feri dari Langkawi pada jam 9.30 pagi dan tiba ke Kuala Perlis pada kira-kira jam 11 pagi Selasa. - Bernama